

28 JUL 1997

Mahathir-Mata wang

KERAJAAN AKAN AMBIL TINDAKAN TERHADAP PENYANGAK SPEKULATOR MATA WANG

Oleh: Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap "penyangak" spekulator mata wang.

Beliau bagaimanapun tidak memberi butiran berhubung tindakan itu.

"Kerajaan mempunyai beberapa idea tentang apa yang patut dilaksanakan tetapi tentulah kami tidak boleh menyiarkan apa yang akan dilakukan, samalah seperti (hartawan Amerika George) Soros yang tidak menyiarkan apa yang mahu beliau lakukan," katanya sebagai menjawab soalan pemberita selepas menemui menteri luar rakan-rakan dialog Asean di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mereka termasuk Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright, Menteri Luar China Qian Qichen dan Menteri Luar Australia Alexander Downer.

Menteri Luar dan wakil-wakil dari India, Jepun, Rusia, Canada, Kesatuan Eropah, Korea Selatan dan New Zealand juga hadir.

Mereka sedang menyertai persidangan selepas mesyuarat menteri luar Asean kali ke-30 di sini.

Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan perlu melindungi negara ini, jika tidak mereka (penyangak spekulator) akan mempermainkan-mainkan ekonomi sesebuah negara tanpa dihukum dengan sewajarnya.

Dr Mahathir berkata tindakan yang akan diambil kerajaan akan berdasarkan pada tanggapannya.

"Apa yang kita boleh buat bergantung pada tanggapan kita. Jika kita menganggap ini perbuatan jenayah, maka kita akan bertindak. Jika difikirkan ia perkara biasa, maka tiada tindakan diambil."

Dr Mahathir berkata bahawa beliau dan rakan-rakan dialog telah mengadakan rundingan pagi ini yang hampir berpusat pada keadaan mata wang.

"Saya memberi pendapat saya mengenai perkara ini dan mereka (rakan kongsi) memberi pendapat balas mereka," katanya.

Beliau berkata sesetengahnya mencadangkan agar perkara itu dibangkitkan pada Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver pada November ini, ada pula yang berkata ini perkara biasa manakala yang lainnya mempunyai pelbagai pendapat tentang bagaimana hendak menangani masalah itu.

Apabila ditanya sama ada beliau akan membangkitkan perkara itu pada mesyuarat para pemimpin Apec, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada kita boleh membangkitkan perkara ini."

Dr Mahathir berkata Kesatuan Eropah terutamanya berminat dalam keadaan tukaran mata wang yang lebih stabil memandangkan ia akan menjejaskan perdagangan.

"Kami semua bersetuju bahawa ia adalah keadaan yang mencemaskan. Ia memudaratkan semua pihak," katanya.

Apabila ditanya sama ada beliau telah menyebut nama Soros, perdana menteri berkata: "Saya tidak menyebut namanya tetapi saya percaya mereka semua tahu siapa yang saya maksudkan," -- BERNAMA

AH MA NMO